

# *extra* **SKILLS**

# *extra* **MONEY**

Jana pendapatan tambahan dengan hobi



GRAB



PEREKA GRAFIK

PEKEBUN KECIL



YOUTUBER

PET CAREGIVER

CIKGU TUISYEN

PENULIS

TUKANG JAHIT

RIDER

VIDEO MAKER

PENGASUH

PROOFREADER

DROPSHIP

BAKERI



EDITOR

Nurul Nadia Abd Aziz

Noor Affeeda Ramli

Hak Cipta Karya @ Ketua Editor  
Cetakan Pertama Ogos 2021

## **HAK CIPTA TERPELIHARA**

*Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada:*

Nurul Nadia Abd Aziz (Ketua Editor)  
Noor Affeeda Ramli (Editor)

**Reka bentuk/Konsep Kulit/Typografi:**  
Khairul Akmar Baharudin  
[kab7785@gmail.com](mailto:kab7785@gmail.com)

**Dicetak oleh:**  
P&C PEKAN CENTRE  
No.2 Tingkat Bawah,  
Taman Peramu Makmur,  
26600 Pekan,  
Pahang Darul Makmur

# Isi Kandungan

Sidang Penulis	5
Isi Kandungan	7
Singkatan	9
Prakata	11
Penghargaan	13
Baker Separuh Masa	17
<i>Adibah Hussin</i>	
Sandwic Sebenar: Rasa yang Seindah Rupa	43
<i>Nurul Nadia Abd Aziz</i>	
<i>Noor Affeeda Ramli</i>	
Ternak Lembu: Tak Glamor tapi Puas Hati	67
<i>Musramaini Mustapha</i>	
Home Baker: Senang-Senang Buat Duit	87
<i>Normilia Abd Wahid</i>	
Tekan-Tekan PC Dapat Duit	115
<i>Noor Affeeda Ramli</i>	

Gubahan Bunga Kreatif Sentuhan Si Gadis <i>Nor Khairunnisa Mat Yunus</i>	135
Berdansa Punca Rezeki Tambahan <i>Roslina Ali</i>	157
Kek Batik Premium Citarasa Unggul <i>Maisarah Ishak</i>	187
Buat Duit Lebih dengan Crochet <i>Nurul Nadia Abd Aziz</i> <i>Nor Khairunnisa Mat Yunus</i>	217
Berani Menulis: Siapa Nak Edit? <i>Haslinda @ Robita Hashim</i> <i>Abd Rahman Roseley</i>	235
Dari Bilik Kuliah ke Dapur <i>Adibah Hussin</i>	257

# Buat Duit Lebih dengan *Crochet*

*Nurul Nadia Abd Aziz*

*Nor Khairunnisa Mat Yunus*

Bakat<sup>30</sup> seni merupakan satu keunikan dan anugerah Allah kepada seseorang. Bukan semua orang mempunyai bakat seni. Namun pepatah Melayu yang berbunyi “melentur buluh biarlah dari rebungnya” menunjukkan bakat atau kebolehan seseorang juga boleh diasah semenjak kecil. Terdapat bakat yang diwarisi dari ibu bapa seperti bakat seni nyanyian dan lakonan. Walau bagaimanapun, sesetengah seni boleh diajar dan dipelajari seperti seni fotografi, seni muzik, seni lukisan, seni kraf tangan<sup>31</sup> dan seni masakan. Meskipun bakat itu penting, namun mempelajari ilmu tentang seni juga tidak kurang pentingnya. Bab ini akan membincangkan tentang bakat seni mengait yang dimiliki oleh seseorang. Bakat seni mengait ini bukan sekadar disyukuri tetapi digunakan sebaiknya untuk

---

<sup>30</sup> *Bakat* bermaksud 1. kebolehan semula jadi. 2. orang yang mempunyai kebolehan semula jadi. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

<sup>31</sup> *Kraf tangan* bermaksud 1. perusahaan (kerja, seni, dan sebagainya) yang memerlukan daya cipta dan kemahiran menggunakan tangan. 2. yang memerlukan kemahiran menggunakan tangan. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

menjana pendapatan sampingan bagi mengukuhkan lagi ekonomi keluarga.



*Produk berasaskan benang ini mempunyai penggemarnya yang tersendiri.*

## Usahawan

Hafizah Abdul Majid (47 tahun) yang berasal dari Muar, Johor merupakan anak keenam dari lapan orang adik-beradik. Beliau memulakan persekolahan di Sekolah Rendah Bukit Batu, Senggarang, Batu Pahat, Johor sehingga darjah 3 dan kemudiannya bersekolah di Sekolah Rendah Bukit Pasir, Muar, Johor sehingga darjah 6. Hafizah kemudiannya meneruskan persekolahan di peringkat menengah di Sekolah Menengah Tun Perak, Muar, Johor. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi di Institut Teknologi MARA Cawangan Perak dari tahun 1992 hingga 1995 dan mengambil jurusan Diploma Sains Kesetiausahaan.

Hafizah mempunyai pengalaman bekerja selama 26 tahun dalam pelbagai sektor pekerjaan. Beliau kini telah berkhidmat lebih 14 tahun sebagai Setiausaha Pejabat di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang, Kampus Jengka.



*Hafizah Abdul Majid, Setiausaha Pejabat di  
UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka*

Beliau sangat gemarkan sesuatu yang bersifat seni. Bakat seni mengaitnya diwarisi dari ibunya yang juga mahir menjahit, mengait dan membuat *cross stitch*.

Seawal usia belasan tahun, Hafizah rajin membantu ibunya mengait alas kerusi dan alas meja. Pada waktu itu, Hafizah dan ibunya bersama-sama belajar mengait hanya dengan berpandukan sebuah buku asas mengait.

Beberapa tahun berlalu, Hafizah kemudiannya terbaca di status *Facebook* rakannya yang banyak memuat naik gambar beg-beg kait buatannya sendiri. Rakannya yang juga baru menceburkan diri dalam bidang kraf tangan itu memperkenalkan Hafizah dalam beberapa kumpulan *Whatsapp* belajar mengait. Apabila menyertai kumpulan *Whatsapp* tersebut, Hafizah mula berminat untuk mengait beg. Beg pertama yang beliau hasilkan tidak kemas. Namun, Hafizah tidak berputus asa dan terus mencuba sehingga berjaya.

Beg pertama yang beliau berjaya hasilkan telah menyuntik minat yang mendalam terhadap seni mengait ini. Beliau kemudiannya membawa beg tersebut ke pejabat dan ditunjukkan kepada rakan-rakannya. Sebaik sahaja melihat dengan mata dan menyentuh sendiri beg kait itu, hati wanita pasti terpikat dengan kehalusan seni kait tersebut. Dari situ lah bermulanya permintaan beg kait beliau. Pada mulanya, beliau tidak berkeyakinan untuk menerima tempahan dari rakan-rakannya kerana merasakan ilmu yang dimiliki belum mencukupi dan beg kait buatannya masih belum dapat dibuat dengan kemas. Namun, sikap tidak putus asanya telah mendorongnya

untuk terus menghasilkan beg-beg untuk kegunaannya sendiri. Hanya setelah beliau yakin dan berpuas hati dengan kekemasan beg kait buatannya, barulah Hafizah bersedia menerima tempahan dari rakan-rakannya. Beliau juga gemar memuat naik gambar-gambar produk yang dihasilkannya di laman *Facebook*. Dari situ lah bakat seni mengaitnya mula diketahui ramai dan permintaan barang kait semakin meningkat.

## Kemahiran Asas

Kini, sudah lima tahun Hafizah menceburkan diri dalam bidang perniagaan sambilan yang berasaskan seni mengait ini. Seni mengait ini boleh dipelajari dan tidak mengambil masa yang lama untuk menguasainya. Hafizah mengembangkan bakat seni mengaitnya dengan mengikuti kumpulan *Whatsapp* yang diperkenalkan oleh rakannya. Dari situ, Hafizah menambahkan lagi kemahiran asas mengait dengan cara yang betul.

Dalam kumpulan *Whatsapp* belajar mengait tersebut, seorang guru mengajar semua peserta dari awal secara langkah demi langkah. Apabila langkah pertama sudah berjaya diikuti, semua peserta akan memuat naik gambar di dalam kumpulan *Whatsapp* tersebut. Guru akan memaklumkan sama ada jahitan tersebut betul atau salah. Apabila semua peserta telah

berjaya mengikuti langkah pertama, guru tersebut akan mengajar langkah yang kedua pula. Begitulah proses pembelajaran secara kumpulan *Whatsapp* yang diikuti oleh Hafizah sehingga semua peserta berjaya menyiapkan sebuah beg. Apabila beg berjaya dihasilkan, peserta tersebut akan dimasukkan ke dalam senarai peserta yang berjaya.

## Kepelbagaian Produk

Produk-produk yang dijual adalah hasil buatan tangan Hafizah sepenuhnya. Seni mengait ini memerlukan ketekunan, ketelitian dan kreativiti. Kini, produk kait yang dihasilkan oleh Hafizah tidak terhad kepada beg sahaja. Beliau turut menerima tempahan dalam bentuk sarung botol air, *lanyard*, kotak pensel, sarung telefon bimbit, songkok, kotak tisu, *mask extender*, bakul, dan bekas duit syiling.



*Beg telekong*



*Beg tangan*



*Beg tangan*



*Sarung telefon bimbit*



*Lanyard*



*Sarung botol air*



*Bakul*



*Bekas pensel*



*Bekas duit syiling*



*Head band*



*Mask extender*



*Bekas kerongsang*



*Warna dan reka bentuk beg ditentukan sendiri oleh pembeli*

## Sistem Tempahan dan Pemasaran

Perniagaan sambilan Hafizah memfokuskan kepada rakan-rakan dan keluarga sebagai kumpulan sasaran yang akan membeli dan menempah hasil kraf tangannya. Beliau juga menggunakan *Facebook* dan *google sites* untuk memasarkan produk beliau dan mengembangkan perniagaannya. Melalui aplikasi *Facebook*, Hafizah sering berkongsi gambar-gambar beg kait yang beliau hasilkan untuk menarik minat pelanggan-pelanggan yang baru.



Tangkap layar laman Facebook milik Hafizah



*Beberapa jenis barang kait yang dihasilkan sendiri  
oleh Hafizah*

Tempahan barang kraf tangan yang berunsurkan seni kait ini kebiasaannya diterima melalui aplikasi *WhatsApp*, *Facebook* mahupun tempahan rakan-rakan terdekat melalui perjumpaan bersemuka. Setiap tempahan akan direkodkan dan beliau akan cuba untuk memenuhi setiap permintaan pelanggan berkaitan reka bentuk dan warna pilihan pelanggan.

## Pengurusan Kewangan

Setiap urusan perniagaan yang dilakukan oleh Hafizah dilakukan secara tunai. Hafizah akan membuat anggaran kos bagi setiap hasil kraf tangannya dan menilai tahap kesukaran reka bentuk yang diminta pelanggan sebelum menetapkan harga jualan. Secara purata, jumlah modal bagi setiap tempahan yang beliau terima adalah di antara RM10.00 sehingga RM80.00 bergantung kepada jenis bahan yang beliau gunakan. Setiap beg kait yang dibuat akan dijual dengan harga RM10.00 sehingga RM150.00 bergantung kepada saiz dan jenis tempahan. Selama menjalankan perniagaan ini, beliau pernah menerima jualan tertinggi sebanyak RM300.00.

## Sokongan dan Bantuan

Hafizah tidak pernah meminta sebarang bantuan kewangan dari mana-mana organisasi sepanjang beliau menjalankan perniagaan sambilan ini. Beliau banyak menerima sokongan moral daripada rakan-rakan dan juga keluarga rapat. Hafizah juga mendapat sokongan daripada majikan beliau untuk menjalankan perniagaan sambilan ini apabila beliau mendapat kelulusan majikan untuk melakukan pekerjaan luar. Bagi pekerja sepenuh masa di Badan Berkanun Kerajaan, adalah menjadi

tanggungjawab pekerja yang mempunyai perniagaan sambilan untuk memohon kelulusan menjalankan pekerjaan luar daripada majikan.

## Pengurusan Masa

Sebagai pekerja sepenuh masa, Hafizah menyedari tanggungjawabnya terhadap organisasi. Justeru itu, beliau sentiasa memperuntukkan waktu bekerja untuk melaksanakan tugas hakiki beliau. Aktiviti yang melibatkan perniagaan sambilannya hanya dibuat selepas waktu pejabat atau semasa cuti hujung minggu. Hafizah menguruskan masanya setiap hari dengan jadual kerja yang sistematik supaya beliau dapat melaksanakan tugas hakiki dan perniagaan sambilannya dengan sebaik mungkin.

## Perancangan Masa Hadapan

Perancangan jangka pendek Hafizah adalah untuk menyiapkan semua tempahan yang diperolehinya dan mempelbagaikan produk sedia ada. Beliau tiada perancangan masa hadapan yang khusus untuk perniagaan sambilan ini memandangkan beliau menjalankan perniagaan ini kerana minat dan ingin mengisi waktu terluang.

Seni mengait yang diusahakan oleh Hafizah ini membuktikan bahawa perniagaan tidak semestinya memerlukan modal yang besar. Sebaliknya, apa yang diperlukan adalah kesungguhan untuk menimba ilmu dan kemahiran. Kemahiran mengait misalnya, boleh dipelajari dengan mengikuti kursus-kursus mengait. Pencarian pengkalan data "Belajar Mengait", "Asas Mengait" dan "How to Crochet for Beginners" menggunakan platform sosial media Youtube mendapati lebih 50 video yang dimuat naik oleh beberapa individu yang mengajarkan cara-cara untuk mengait menggunakan kaedah langkah demi langkah. Video ini boleh ditonton berulang kali secara percuma. Buku-buku asas mengait juga mudah didapati di kedai buku dan banyak juga yang dijual secara dalam talian dengan harga serendah RM30.00. Justeru, sesiapa sahaja yang berminat boleh mempelajari seni mengait ini.

Pasca Covid-19 bakal menyaksikan peluang kerjaya untuk para graduan semakin menipis lantaran banyaknya syarikat yang "gulung tikar" dan terpaksa memberhentikan pekerja. Justeru, graduan universiti perlu kreatif dan berfikir di luar kotak untuk mencipta pekerjaan. Mempelajari seni mengait ini mungkin boleh dijadikan pilihan kerana produk berasaskan benang ini mempunyai peminatnya yang tersendiri. Apa yang penting adalah kaedah mempromosikan produk kait ini

menggunakan pelbagai medium dengan memanfaatkan media sosial. Ibu bapa juga boleh menggalakkan anak-anak untuk cuba mempelajari seni mengait ini untuk mengasah minat dan kreativiti anak-anak. Ini secara tidak langsung dapat mencungkil bakat seni anak-anak yang mungkin terpendam. Langkah ini perlu diambil oleh ibu bapa untuk mempersiapkan anak-anak dengan kemahiran tambahan supaya mereka boleh berdikari apabila mereka dewasa kelak.

**extra  
SKILLS**  
**extra  
MONEY**

Life is the most difficult exam.  
Many people will fail because they  
try to copy others, not realising that  
everyone has a different set of  
question papers.

# **extra SKILLS**

# **extra MONEY**

Jana pendapatan tambahan dengan hobi

YOUTUBER

PET CAREGIVER

CIKGU TUISYEN



PEREKA GRAFIK



GRAB

PEKEBUN KECIL



PENULIS

TUKANG JAHIT

RIDER



VIDEO MAKER

PENGASUH



PROOFREADER

DROPSHIP

ISBN 978-967-25683-4-6

